

Perceraian di Singapura

YANG PERLU DIKETAHUI



Kandungan

- 01 Pengenalan
- 02 Praperceraian
- 04 Proses Perceraian Tidak Ditentang (*Uncontested*)
- 08 Proses Perceraian Ditentang (*Contested*)
- 14 Proses Perkara-Perkara Sampingan
- 16 Pihak-Pihak Yang Boleh Dihubungi
- 18 Senarai Prosiding Perceraian

Penolakan Tuntutan

- Carta aliran ini menunjukkan proses yang lazim dilakukan. Bagi setiap kes cerai, ia bergantung pada fakta dan keadaan, Hakim akan menggunakan sepenuh budi bicaranya untuk menentukan tindakan terbaik yang boleh diambil pada bila-bila masa.
- Penerbitan ini dikeluarkan sebagai informasi am sahaja.
- FJC dikecualikan daripada sebarang dan semua liabiliti berhubung dengan isi kandungan penerbitan ini.
- Dapatkan nasihat guaman apabila anda merasa ragu.



Pengenalan

Jika anda sedang berfikir untuk cerai...

Buku kecil ini memberi perincian mengenai prosiding perceraian bagi membantu anda untuk lebih memahami proses yang dijalankan. Anda dan pasangan anda boleh dirujuk kepada proses yang ringkas (dipermudahkan) jika perceraian ini tidak ditentang (*uncontested*) termasuk perkara sampingan seperti soal *custody* anak, nafkah dan pembahagian aset serta akses yang telah dipersetujui oleh anda bersama. Semua permohonan yang lain akan dirujuk sebagai perkara yang ditentang (*contested*).

Mahkamah Keadilan Keluarga (FJC) dan rakan-rakan sekutunya memberi bantuan dan sokongan untuk menyelesaikan pertikaian keluarga khususnya melalui rundingan secara mediasi dan kaunseling bagi mengurangkan konflik dan perbalahan kerana ia boleh memberi kesan negatif pada anak-anak. Ibu bapa perlu bekerjasama bagi mengurangkan tekanan dan mencari jalan yang munasabah untuk masa hadapan.


Sebelum anda mohon untuk bercerai...

LANGKAH 1

Pastikan perkahwinan anda melayakkan anda bercerai di bawah Undang-Undang Singapura

Adakah anda...

Warganegara Singapura atau telah menetap di Singapura sejak 3 tahun ini?



Telah berkahwin paling kurang 3 tahun atau sudah mendapat izin Mahkamah untuk memfailkan cerai bagi yang telah berkahwin kurang daripada 3 tahun?



LANGKAH 2

Kemukakan alasan-alasan anda untuk bercerai

	<u>Apakah maksudnya?</u>	<u>Bilakah saya boleh memfailkan cerai?</u>	<u>Apakah bukti-bukti yang saya perlu tunjuk?</u>
Kecurangan 	Jika pasangan anda curang terhadap anda dengan melakukan hubungan sulit, dan anda tidak lagi dapat bertahan untuk hidup bersamanya.	Anda boleh mohon untuk bercerai sebaik sahaja berlaku kecurangan.	Bukti tentang perbuatan yang telah dilakukan (atau niat untuk melakukannya) termasuk video, gambar, balas-membalas SMS/emel, dll.
Tingkah Laku Yang Tidak Munasabah 	Jika pasangan anda menyakiti anda secara rohani atau jasmani, ataupun tingkah lakunya membuat anda tidak lagi dapat hidup bersamanya.	Anda boleh mohon untuk bercerai dengan bukti yang kecurangan telah berlaku.	Bukti tentang sebarang kecurangan, sama ada dilakukan secara langsung atau tidak langsung ataupun gagal untuk melakukan sesuatu oleh pasangan anda.
Ditinggal Abaikan 	Jika pasangan anda keluar rumah tanpa kerelaan anda dan memutuskan hubungan kelamin.	Anda perlu menunggu 2 tahun.	Bukti tentang niat pasangan anda untuk meninggalkan anda dan hidup berasingan.
Berpisah 	Jika anda dan pasangan anda telah berpisah dan tinggal di alamat lain-lain, atau di alamat yang sama tetapi hidup berasingan.	Anda perlu menunggu 3 tahun jika pasangan anda setuju untuk bercerai (secara uncontested), atau sebaliknya 4 tahun.	Bukti tentang niat kedua pihak untuk berpisah dan menamatkan hak masing-masing sebagai teman hidup dan hubungan kelamin antara mereka.

LANGKAH 3

Mohon Untuk Bercerai...

- **Perceraian uncontested**
- **Perceraian contested**

Perhatian

- Jika anda berkahwin menurut Hukum Islam, anda perlu memfailkan cerai di Mahkamah Syariah Singapura.
- Jika anda mempunyai anak-anak berumur di bawah 21 tahun, anda dikehendaki menghadiri Program Mandatori Keibubapaan (MPP) kelolaan Kementerian Sosial dan Pembangunan Keluarga (MSF) jika anda dan pasangan anda belum mencapai persetujuan tentang perceraian ini dan hal-hal sampingannya.
- Anda akan diberikan Sijil Tamat Kursus di akhir program MPP ini. Sijil ini perlu difailkan bersama-sama Writ Perceraian atau Tuntutan Balas (jika anda adalah Defendannya).



Proses Cerai Uncontested

Jika anda dan pasangan anda boleh mencapai persetujuan tentang perceraian ini termasuk semua perkara-perkara sampingan – seperti soal *custody* dan akses anak, nafkah dan pembahagian aset sepencarian – sebelum anda memfailkan Writ, proses yang ringkas (dipermudahkan) *uncontested* ini boleh diguna pakai untuk kes anda.

Sebelum membuat permohonan Anda perlu memikirkan perkara-perkara berikut:



1 Sebab-sebab perkahwinan ini tidak dapat diselamatkan:

- Kecurangan;
- Tingkah Laku Tidak Munasabah;
- Ditinggal abaikan; atau
- Berpisah

2 Kebajikan anak-anak:



- *Custody* (spt. siapa yang buat keputusan utama)
- Penjagaan & Kawalan (spt. siapa yang menjaga anak-anak secara harian)
- Akses (spt. berapa kerap si bapa/ibu berjumpa mereka)
- Nafkah (spt. berapa sumbangan untuk perbelanjaan anak-anak)

3 Nafkah isteri:



- Nafkah nominal;
- Jumlah tertentu setiap bulan dan adakah untuk tempoh yang tetap;
- Nafkah sekali gus; atau
- Tiada Nafkah

4 Pembahagian aset:



- Aset mana yang perlu dibahagi (contoh: rumah)
- Bagaimana asetnya – wang CPF, wang dalam akaun bank, dll – akan dibahagi

5 Kos prosiding (ditanggung oleh satu pihak atau dikongsi antara kedua-dua pihak)



6 Isu-isu lain:



Anda dan pasangan anda boleh menghadiri kaunseling dan/atau mana-mana program sokongan daripada Agensi Pakar Sokongan Perceraian (DSSA) ataupun mendapatkan nasihat guaman daripada seorang peguam perceraian atau klinik-klinik guaman di Biro Bantuan Guaman (LAB) atau Pusat Keadilan Masyarakat (CJC).

Cara memohon

Sebaik sahaja anda dan pasangan anda mencapai persetujuan, sediakan dan tandatangan dokumen-dokumen berikut jika perlu:

- Writ Perceraian (Borang 3) (Borang 192*)
 - Pernyataan Tuntutan (Borang 6)
 - Pernyataan Butiran (Borang 8) (termasuk carian bukti muflis bagi kedua-dua suami dan isteri dan salinan sijil Tindakan)
 - Permintaan untuk ditetapkan *Setting Down* untuk Perbicaraan (Borang 29)
 - Keizinan pasangan anda untuk Prosiding Perceraian *Uncontested* Dipermudahkan (Borang 193*)
 - Perseutujuan pasangan anda untuk menyetujui Penghakiman bagi tempoh Perpisahan 3 Tahun (jika prosidingnya berdasarkan Perpisahan 3 tahun)
 - *Draf Interim Judgment* yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak (Borang 30*)
 - Afidavit Keterangan Utama (Borang 201*) – *Affidavit of Evidence in Chief*
 - Afidavit Bersama bagi menyokong penjagaan dan kawalan anak-anak secara dibahagikan (*split*), jika sesuai*
- Semua dokumen di atas terdapat di www.familyjusticecourts.gov.sg
- * Semua dokumen perlu ditandatangani di hadapan *Pesuruhjaya Sumpah* (jika si pengikrar berada di Singapura) atau di hadapan *Notari Awam* (jika pengikrar berada di luar negara).

Cara memfail

Untuk memulakan prosiding perceraian, pastikan semua dokumen yang diperlukan telah ditandatangani dan diserahkan ke FJC di:

CrimsonLogic Service Bureau

133 New Bridge Road
#19-01/02 Chinatown Point
Singapura 059413
No. Tel: 6538 9507

Waktu Beroperasi

Isnin ke Jumaat: 8:30 pagi ke 5 ptg
Sabtu: 9:30 pagi ke 12 tgh
Ahad dan Cuti Umum: Ditutup



Semasa prosiding perceraian *uncontested* dijalankan



1

Jika semua dokumen telah siap disusun, tarikh perbicaraan akan diberikan dalam 4 hingga 6 minggu sementara dokumen-dokumen ini difailkan untuk perbicaraan. Selalunya, anda dan pasangan anda tidak perlu menghadiri perbicaraan – biasanya ia dijalankan di dalam Kamar – dan orang awam tidak dibenarkan hadir di perbicaraan ini.



2

Jika Mahkamah memperkenankan perceraian ini semasa perbicaraan atas syarat-syarat yang anda dan pasangan anda persetujuan, anda perlu memohon di CrimsonLogic Service Bureau bagi mendapatkan *Interim Judgment*.



3

Sebaik sahaja *Interim Judgment* atau perkara-perkara sampingan telah tamat dan perintahnya diambil, anda dan pasangan anda perlu menunggu 3 bulan selepas *Interim Judgment* yang telah diperkenankan itu atau perkara-perkara sampingan telah tamat untuk memohon bagi mendapatkan Sijil *Final Judgment* (Perceraian) di CrimsonLogic Service Bureau agar proses perceraian ini muktamad dan ditutup.

Selepas prosiding perceraian *uncontested*



4

Sebaik sahaja Sijil *Final Judgment* (Perceraian) diambil, anda perlu memastikan yang anda mematuhi perjanjian antara anda dan pasangan anda. Contohnya, menjual flat anda dan memastikan anda bayar/terima nafkah yang dipersetujui antara anda dan pasangan anda.



5

Anda dan/atau anak-anak anda, jika ada, mungkin akan diarahkan untuk menghadiri program sokongan kelolaan DSSA. Jika ia tidak diarahkan oleh mahkamah, anda dan/atau anak-anak anda (jika ada) boleh juga menghadiri kaunseling dan/atau apa-apa program sokongan yang terdapat di DSSA bagi keluarga yang terjejas kerana perceraian. Senarai program sokongan yang tidak lengkap termasuk agensi-agensi yang mengelolaknya terdapat di muka surat 16 dalam buku kecil ini.

Proses Perceraian Contested

Jika anda dan pasangan anda tidak dapat mencapai persetujuan tentang perceraian ini dan semua-perkara sampingannya – seperti soal *custody* anak-anak, nafkah, pembahagian aset sepencarian dan akses – sebelum memfailkan Writ, proses *contested* akan diguna pakai dalam hal ini.

Sebelum membuat permohonan Anda perlu memikirkan perkara-perkara berikut:

1 Sebab-sebab perkahwinan ini tidak dapat diselamatkan:



- Kecurangan;
- Tingkah Laku Tidak Munasabah;
- Ditinggal abaikan; atau
- Berpisah

2 Kebajikan anak-anak:



- *Custody* (spt. siapa yang buat keputusan utama)
- Penjagaan & Kawalan (spt. siapa yang menjaga anak-anak secara harian)
- Akses (spt. berapa kerap si bapa/ibu berjumpa anak-anaknya)
- Nafkah (spt. berapa sumbangan untuk perbelanjaan anak-anak)

3 Nafkah isteri:



- Nafkah nominal;
- Jumlah tertentu setiap bulan dan adakah untuk tempoh yang tetap;
- Nafkah sekali gus; atau
- Tiada Nafkah

4 Pembahagian aset:



- Aset mana yang perlu dibahagi (contoh: rumah)
- Bagaimana asetnya – wang CPF, wang dalam akaun bank, dll – akan dibahagi

5 Kos prosiding (ditanggung oleh satu pihak atau dikongsi antara mereka berdua)



6 Isu-isu lain



Anda dan pasangan anda boleh memikirkan untuk menghadiri kaunseling dan/atau mana-mana program sokongan yang terdapat di DSSA. Jika anda mempunyai anak-anak berumur 21 tahun ke bawah, anda dikehendaki menghadiri MPP kelolaan MSF sekiranya anda belum dapat menyelesaikan soal perceraian dan perkara-perkara sampingan anda. Memandangkan dokumen yang difailkan untuk perceraian *contested* semuanya rumit dan terlalu banyak, anda boleh cuba mendapatkan nasihat undang-undang daripada seorang peguam, atau di klinik-klinik guaman yang berada di LAB atau CJC.

Cara memohon

Sebaik sahaja anda telah memikirkan tentang soal *custody*, penjagaan dan kawalan serta akses anak-anak, nafkah, pembahagian aset dan kos, sediakan dan tandatangan dokumen-dokumen berikut jika perlu:

- Writ Perceraian (Borang 3)
 - Pernyataan Tuntutan (Borang 6)
 - Pernyataan Butiran (Borang 8) (sertakan carian bukti muflis bagi kededua suami dan isteri serta salinan sijil perkahwinan)
 - Borang tentang Cadangan pihak Plaintiff berkenaan Rancangan Keibubapaan (Borang 11 and 24), jika terdapat anak-anak di bawah umur 21 tahun
 - Borang Cadangan pihak Plaintiff berkenaan Harta Sepencarian (Borang 14 dan 26), untuk flat-flat HDB sahaja – *Proposed Matrimonial Property Plan Form*
 - Memorandum Kehadiran (Borang 18) – *Memorandum of Appearance*
 - Pengesahan Perkhidmatan (Borang 17) – *Acknowledgement of Service*
 - Sijil Penyempurnaan (jika terdapat anak-anak di bawah umur 21 tahun) – *Certificate of Completion*
- Dokumen-dokumen di atas terdapat di www.familyjusticecourts.gov.sg
- * Semua dokumen perlu ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah (jika si pengikrar berada di Singapura) atau di hadapan Notari Awam (jika pengikrar berada di luar negara).*

Cara memfail

Untuk memulakan prosiding perceraian, pastikan semua dokumen yang diperlukan telah ditandatangani dan diserahkan ke FJC di:

CrimsonLogic Service Bureau

133 New Bridge Road
#19-01/02 Chinatown Point
Singapura 059413
No. Tel: 6538 9507

Waktu Beroperasi

Isnin ke Jumaat: 8:30 pagi ke 5 ptg
Sabtu: 9:30 pagi ke 12 tgh
Ahad dan Cuti Umum: Ditutup



Semasa prosiding contested dijalankan

Nombor kes perceraian akan diberikan kepada permohonan cerai anda itu. Semua dokumen yang disenaraikan **mestilah diserahkan sendiri** oleh seorang penghantar saman yang bertauliah kepada pasangan anda.



Perceraian contested

Sebaik sahaja semua dokumen di atas telah diserahkan kepada pasangan anda, jika pasangan anda tidak setuju dengan perceraian ini, beliau mesti memfailkan:

- **Memorandum Kehadiran (MOA)** dalam masa 8 hari selepas menerima dokumen dari anda, dan
- **Pembelaan (atau Pembelaan dan Tuntutan Balas)** dalam masa 14 hari selepas tarikh tamat MOA difailkan oleh beliau.

Jika pasangan anda memfailkan Pembelaan (atau Pembelaan dan Tuntutan Balas), anda diberi 14 hari untuk memberi Jawapan (atau Jawapan dan Pembelaan terhadap Tuntutan Balas itu) jika anda ingin melakukannya.

Jika anda telah memfailkan Jawapan dan Pembelaan terhadap Tuntutan Balas itu, pasangan anda pula ada 14 hari untuk memfailkan Jawapannya terhadap Pembelaan dan Tuntutan Balas anda itu.

Setting Down

Mahkamah akan mengarahkan anda & pasangan anda untuk memohon agar kes cerai anda ditetapkan untuk perbicaraan. Inilah yang disebut sebagai **"Setting Down"**. Ia dilakukan secara memfailkan dokumen berikut:

- Meminta tindakan *Setting Down* untuk Perbicaraan (Borang 28)

Dokumen di atas terdapat di www.familyjusticecourts.gov.sg




Persidangan Kes

Mahkamah akan memberitahu pihak-pihak berkenaan atau peguam anda (jika ada) tentang tarikh untuk menghadiri Persidangan Kes anda.

Persidangan Kes ialah sesi di mahkamah bila mana Hakim akan memberi arahan tentang cara terbaik bagaimana kes perceraian anda dapat dimajukan ke hadapan.

Mahkamah, sebagai contoh, akan mengarahkan:

- anda dan pasangan anda untuk menghadiri Mediasi dan Kaunseling (bagi memudahkan penyelesaian isu-isu yang anda dan pasangan anda tidak setuju) ataupun
- anda dan pasangan serta anak-anak anda di bawah umur 21 tahun untuk menghadiri mediasi dan kaunseling di Pusat Penyelesaian Terfokus Pada Anak-Anak (CFRC) terutama sekali jika tekanan dari perceraian anda memberi kesan yang negatif pada mereka.



Persidangan Status:

Mahkamah akan menjadualkan persidangan status agar kedua pihak dapat memberitahu Mahkamah tentang status prosiding perceraian mereka apabila permohonan cerai mereka belum *diset down* selepas Writ Perceraian difailkan.

Perceraian uncontested

Boleh diubah dari perceraian contested kepada uncontested



Sebaik saja semua dokumen yang tersenaraikan dihantar kepada pasangan anda dan jika beliau setuju untuk bercerai, atau jika anda berdua memberitahu Mahkamah (dengan menggunakan MOA) yang anda berdua setuju untuk bercerai, perceraian ini akan dijadualkan untuk **Perbicaraan Uncontested**.

Senario-Senario lain:

Senario 1: Jika pasangan (defendan) anda tidak memfailkan MOA sebelum tarikh tutup, perceraian ini akan dijadualkan untuk **Perbicaraan Uncontested**.

Senario 2: Jika pasangan (defendan) anda memfailkan MOA yang menyatakan beliau mahu membuat pembelaan tetapi beliau tidak memfailkan pembelaan, perceraian ini juga boleh dijadualkan untuk **Perbicaraan Uncontested**.



Semasa prosiding perceraian *contested* dijalankan (bersambung)

Persidangan Kes (bersambung)

Mahkamah akan mengarahkan kedua pihak memfailkan Afidavit. Afidavit hendaklah ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah di Singapura ataupun Notari Awam atau konsular di kedutaan Singapura (jika pihak berkenaan berada di luar negara).



Jika semasa proses **Contested** sedang berjalan pada bila-bila masa ketika anda dan pasangan anda setuju untuk menyelesaikan semua perkara sampingan, proses ini akan diteruskan sebagai **Uncontested**.

Setting Down

Anda perlu memohon untuk kes cerai anda dibicarakan di Mahkamah. Inilah yang disebut sebagai "Setting Down".

Sebelum *setting down*, salah satu daripada 3 dokumen ini perlu difailkan:

- Tandatangani pasangan (defendan) dalam MOA, sebagai bukti pasangan anda tidak akan menentang
- Pengesahan penyerahan ditandatangani oleh pasangan anda (defendan)
- Afidavit penyerahan ditandatangani oleh plaintif

Perkara ini boleh untuk *setting down* dan dokumen berikut perlu

difailkan:

- Meminta tindakan *Setting Down* untuk Perbicaraan (Borang 28)
- Meminta Ketidakhadiran Pihak-Pihak berkenaan semasa Perbicaraan Cerai *Uncontested* (Borang 203)
- AEIC dari pihak Plaintiff.

Dokumen-dokumen di atas terdapat di **www.familyjusticecourts.gov.sg**

**Prosedur dan Borang-Borang yang agak lain sedikit mungkin digunakan jika anda dan pasangan anda setuju untuk meneruskan Tuntutan Balas dan tidak membuat permohonan cerai ataupun masih membuat permohonan cerai.*

Perbicaraan *Contested*

Anda dan pasangan anda (dan peguam anda, jika ada) perlu menghadiri perbicaraan dan anda dijangka akan tampil untuk memberi keterangan.

Jika Mahkamah memperkenankan perceraian ini selepas perbicaraan, anda perlu memohon di CrimsonLogic Service Bureau untuk mendapatkan *Interim Judgment*.

Perkara-Perkara Sampingan

Sebaik sahaja *Interim Judgment* telah diambil, Mahkamah akan menjadualkan Persidangan Kes mengenai Perkara-perkara Sampingan (spt. *custody*, penjagaan dan kawalan anak-anak anda), soal nafkah, pembahagian aset anda (termasuk flat HDB anda) dan kos, jika belum ada persetujuan.



Proses Perkara-Perkara Sampingan

(rujuk kepada bahagian mengenai "Proses Perkara-Perkara Sampingan")

Perbicaraan *Uncontested*

Ini adalah perbicaraan persendirian. Anda dan pasangan anda (dan peguam anda, jika ada) tidak perlu menghadiri perbicaraan.

Jika semua dokumen telah siap sedia, Mahkamah akan memperkenankan perceraian semasa perbicaraan. Kemudian, anda perlu mengambil *Interim Judgment* di CrimsonLogic Service Bureau.



Proses Perkara-Sampingan



Pihak-pihak Yang Boleh Dihubungi

Sekiranya anda memerlukan bantuan semasa proses perceraian anda sedang berjalan, program sokongan dan agensi-agensi berikut boleh membantu.

Anda memerlukan khidmat kaunseling atau Program Keibubapaan Mandatori (MPP)?

Hubungi: Divorce Support Specialist Agencies (DSSAs)

Care Corner Centre for Co-Parenting
Blk 21 Eunos Crescent, #01-2983,
Singapura 400021
No. Telefon: 6258 0020

THK Centre for Family Harmony
Blk 54 Commonwealth Drive, #01-566,
Singapura 370037
No. Telefon: 6357 9188

HELP Family Service Centre
Blk 570 Ang Mo Kio Avenue 3, #01-3317,
Singapura 560570
No. Telefon: 6457 5188

PPIS As-Salaam Family Support Centre
Blk 322 Ubi Ave 1, #01-591, Singapura 400322
No. Telefon: 6745 5862

Anda ingin mendapatkan nasihat awal guaman mengenai kedudukan diri anda?

Hubungi: Klinik-Klinik Guaman

Walk-in Legal Clinic @ Community Justice Centre
1 Havelock Square, Level 1 State Courts
Complex, Singapura 059724
No. Telefon: 6557 4100

Community Legal Clinics by Law Society Pro Bono Services

Hubungi Talian Penting: 6536 0650 untuk buat temu janji di salah satu lokasi berikut:

- Daerah Barat-Laut (berdekatan Stesen MRT Woodlands)
900 South Woodlands Drive, #06-13
Woodlands Civic Centre, Singapura 730900
Waktu Beroperasi: Isnin (7 mlm ke 9 mlm)
- Daerah Selatan-Timur (berdekatan Stesen MRT Paya Lebar)
10 Eunos Road 8, #12-02
Singapore Post Centre, Singapura 408600
Waktu Beroperasi: Selasa (7 mlm ke 9 mlm)
- Daerah Barat-Daya (berdekatan Stesen MRT Jurong East)
8 Jurong Town Hall Road, #26-06
The JTC Summit, Singapura 609434
Waktu Beroperasi: Rabu (7 mlm ke 9 mlm)
- Daerah Tengah Singapura (berdekatan Stesen MRT Toa Payoh)
490 Lorong 6 Toa Payoh, #07-11
HDB Hub via Biz Three Lift Lobby 1,
Singapura 310490
Waktu Beroperasi: Thurs (7 mlm ke 9 mlm)

Ada beberapa klinik guaman yang lain di serata Singapura. Senarai lengkap klinik guaman ini terdapat di laman web Persatuan Peguam di: <http://probono.lawsociety.org.sg/Pages/CommunityLegal-Clinic.aspx>.

**Sesi Sekali-Selama-20-Minit sah untuk 6 bulan*

Hubungi: Para peguam swasta
Senarai peguam swasta terdapat di:
www.mlaw.gov.sg/eservices/Isra/searchlawyer-or-law-firm

Anda memerlukan khidmat peguam tetapi tidak berkemampuan untuk membayarnya?

Hubungi: Biro Bantuan Guaman

45 Maxwell Road, #07-11 The URA Centre (East Wing), Singapura 069118
No. Telefon: 1800-CALL-LAW (1800 2255 529)
Waktu Beroperasi:
Isnin ke Jumaat: 8:30 pagi ke 5:30 ptg
Sabtu: Ditutup (Talian Penting dari 8:30 pagi ke 12:30 tgh)
Ahad & Cuti Umum: Ditutup

Seseorang yang ingin mendapatkan bantuan guaman perlu lulus Ujian Kemampuan dan Ujian Kelayakan. Maklumat lanjut Ujian Kemampuan dan Ujian Kelayakan terdapat di laman web Biro Bantuan Guaman di www.mlaw.gov.sg

Biro Bantuan Guaman dapat menilai kemampuan anda untuk mendapatkan bantuan guaman. Anda boleh membuat temu janji dengan pihak Biro Bantuan Guaman walaupun anda merasa anda tidak layak mendapatkan bantuan guaman berdasarkan pendapatan dan maklumat anda yang diberikan di laman web Biro Bantuan Guaman.

Tanpa diwakili oleh Peguam, sudahkah anda bersedia untuk memfailkan sendiri semua dokumen anda?

Hubungi: CrimsonLogic Service Bureau

133 New Bridge Road
#19-01/02 Chinatown Point
Singapura 059413
No. Telefon: 6538 9507
Waktu Beroperasi
Isnin ke Jumaat: 8:30 pagi ke 5 ptg
Sabtu: 8:30 pagi ke 12:30 tgh
Ahad dan Cuti Umum: Ditutup

Anda tidak diwakili oleh peguam, tetapi memerlukan bantuan untuk memahami proses mahkamah?

Hubungi: Community Justice Centre (CJC)

Friends of Litigants in Persons (FLIPs)

Flips adalah sukarelawan yang memberi sokongan emosi dan tunjuk ajar tentang asas proses-proses mahkamah. Tetapi, mereka bukan peguam dan tidak boleh memberi anda sebarang nasihat guaman.

Primary Justice Project (PJP)

PJP menyediakan seorang peguam untuk memberi anda nasihat asas undang-undang dan cuba bantu anda menyelesaikan pertikaian anda dengan mengenakan bayaran yang tetap. Peguam ini akan menolong anda berbincang untuk mencari jalan penyelesaian. Beliau juga akan mendapatkan cara-cara penyelesaian yang lain seperti mengadakan perbincangan mediasi.

Maklumat lanjut terdapat di CJC yang berada di lokasi-lokai berikut:

- 1 Havelock Square, Aras 1 Kompleks Mahkamah Negara (*State Courts*), Singapura 059724
- Aras 3, Mahkamah Keadilan Keluarga (*Family Justice Courts*)

No. Telefon: 6557 4100

Jika anda ingin pergi ke agensi-agensi tersebut, sila hubungi terlebih dulu nombor telefon berkenaan atau lungsur laman web mereka berkenaan waktu beroperasi yang terkini.

Senarai Semak untuk Prosiding

Sebelum memfailkan perceraian, harap pertimbangkan perkara-perkara berikut.

Perceraian

Kerakyatan/ Mastautin:	<input type="checkbox"/> Warganegara Singapura	<input type="checkbox"/> Bermastautin di Singapura	<input type="checkbox"/> Tinggal di Singapura selama 3 tahun ini
-----------------------------------	--	--	--

Telah berkahwin paling kurang 3 tahun sejak tarikh perkahwinan anda didaftarkan

Perkahwinan anda telah musnah atas sebab:

- Kecurangan pasangan anda
- Tingkah laku pasangan anda yang tidak munasabah
- Ditinggalkan oleh pasangan anda selama sekurang-kurangnya 2 tahun
- 3 tahun berpisah dan pasangan anda setuju untuk bercerai
- Berpisah selama 4 tahun

Anak-Anak

Custody: Sepihak sahaja Bersama

Penjagaan dan Kawalan: Sepihak sahaja Telah diurus, sila sebutkan _____

Akses: Munasabah Bebas Lain-Lain: _____

Nafkah

Isteri: Nafkah nominal sebanyak \$1

Jumlah tetap setiap bulan: \$ _____/bulan, jika terdapat tempoh tetap: _____

Nafkah sekali gus : \$ _____

Tiada nafkah

Anak-Anak: Jumlah tertentu setiap bulan: \$ _____/bulan

Satu pihak sahaja yang akan membayar nafkah anak-anak

Lain-Lain

Aset

HDB Flat:

Anda boleh hubungi HDB tentang pilihan anda mengenai flat ini dan urusan tempat tinggal sebelum, ketika ini dan selepas perceraian anda.

- Flat akan diserahkan kembali ke HDB.
- Perjanjian pajakan dengan HDB akan ditamatkan.
- Flat akan dijual di pasaran terbuka.
- Bahagian pasangan anda akan dijual/dipindah milik kepada pasangan anda itu.
- Lain-Lain: _____

Aset-Aset Lain (sebutkan):

- _____
- _____

Kos

- \$ _____ dibayar oleh _____ kepada _____.
- Ditanggung sama-rata oleh kedua-dua pihak.
- Setiap pihak membayar kos masing-masing.

Dokumen yang perlu disiapkan, ditandatangani dan difailkan ke Mahkamah Keadilan Keluarga (FJC):

- Sijil Perkahwinan (kepilkan pada Pernyataan Butiran)
- Rekod muflis (kepilkan pada Pernyataan Butiran)
- Writ Perceraian (Borang 3)
- Pernyataan Tuntutan (Borang 6)
- Pernyataan Butiran (Borang 8)

Senarai Semak untuk prosiding perceraian (bersambung)

PROSES PERCERAIAN *UNCONTESTED* YANG DIPERMUDAHKAN

- Keizinan pasangan anda tentang Prosiding Cerai *Uncontested* yang Dipermudahkan (Borang 193) (dikepilkkan pada Pernyataan Butiran)
- Keizinan pasangan anda tentang Pengabulan Penghakiman kerana Perpisahan 3 Tahun (jika sesuai) (Borang 192)
- Draf *Interim Judgment* yang ditandatangani oleh kedu-dua pihak (Borang 30) (perlu Dikepilkkan pada Pernyataan Butiran)
- Meminta Tindakan *Setting Down* agar Perbicaraan diadakan (Borang 29)
- Afidavit bagi Keterangan Utama – *Evidence in Chief* (Borang 201)
- Afidavit Bersama untuk menyokong hak penjagaan dan kawalan anak-anak, jika sesuai

UNTUK PROSES PERCERAIAN *CONTESTED*

- Borang Cadangan Plaintif mengenai Pelan Keibubapaan (Borang 11 dan 24), hanya jika anda mempunyai anak-anak berumur di bawah 21 tahun – *Proposed Parenting Plan*
- Borang Cadangan Plaintif mengenai Pelan Harta Sepencarian (Borang 14 dan 26), hanya jika anda memiliki flat HDB – *Proposed Matrimonial Property Plan*
- Memorandum Kehadiran (Defendan) (Borang 18) – *Memorandum of Appearance*
- Pengesahan Penyerahan (Defendan) (Borang 17) – *Acknowledgment of Service*
- Sijil Penyelesaian (jika terdapat anak-anak di bawah umur 21 tahun) – *Certificate of Completion*

Dokumen-dokumen di atas terdapat di www.familyjusticecourts.gov.sg

Memahami panduan ini

Affidavit: Keterangan formal bertulis mengenai fakta-fakta kes anda

Perkara-Perkara Sampingan:

Isu-isu perceraian seperti *custody*, penjagaan dan kawalan anak-anak, nafkah untuk pasangan anda dan anak-anak, atau pembahagian harta sepencarian

CFRC: Pusat Perdamaian Terfokus Kepada Anak-Anak

Sijil Kehakiman Yang Terakhir:

Sijil yang dibuat oleh Pendaftar mahkamah yang mana penghakiman dikeluarkan dengan cop meterai mahkamah berkenaan

Perintah Persetujuan:

Dokumen Persetujuan yang mengesahkan pembahagian harta-harta sepencarian, isu anak-anak dan nafkah semasa perceraian

Tuntutan Balas: Keterangan dari Defendan tentang alasan minta cerai berdasarkan tuduhan-tuduhan yang Defendan kemukakan

Pembelaan: Keterangan yang Defendan kemukakan untuk menyangkal tuduhan-tuduhan Plaintif

Pembelaan terhadap Tuntutan Balas:

Keterangan yang Plaintif kemukakan untuk menyangkal tuduhan-tuduhan Defendan dalam Tuntutan Balasnya

Defendan: Suami/isteri yang diserahkan notis cerai

FJC: Mahkamah Keadilan Keluarga

Interim Judgment: Perintah cerai sementara yang akan dimuktamadkan selepas 3 bulan ataupun selepas Perkara-Perkara Sampingan dapat diselesaikan

Kebenaran Mahkamah:

Mendapatkan izin mahkamah untuk mengambil tindakan. Tanpa izin ini, tindakan tidak akan dibenarkan

Mediasi: Campur tangan dalam pertikaian untuk menyelesaikannya melalui persetujuan antara semua pihak

MOA: Memorandum Kehadiran

MPP: Program Keibubapaan Mandatori

MSF: Kementerian Sosial dan Pembangunan Keluarga

Perintah Mahkamah: Arahan mahkamah tentang apa yang boleh dan tidak boleh seseorang itu melakukan

Plaintif: Pasangan yang memohon untuk bercerai

Jawapan: Respon dari Plaintif selepas defendan membentangkan pembelaan

